

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [PASIR MAS - PAS]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 12)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah yang diambil bagi membendung budaya hedonisme di kalangan belia.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha melahirkan belia-belia cemerlang dan mengamalkan gaya hidup sihat adalah merupakan peranan dan tanggungjawab pelbagai pihak dan Kementerian Belia dan Sukan merupakan salah satu daripada komuniti tersebut. Dalam membendung budaya hedonisme di kalangan belia, Kementerian telah mengambil langkah dengan melaksanakan Pelan Tindakan Strategik KBS yang memfokuskan 4 Bidang Keberhasilan Utama (KRA), di mana salah satunya ialah Pemerkasaan Pembangunan Insan dan Gerakan Belia. Fokus utama bidang ini ialah kepimpinan, keusahawanan, sahsiah (meliputi kesederhanaan, wasatiah dan kerohanian), pembangunan sosial, kemahiran, kesukarelaan dan pengupayaan gerakan belia. Fokus utama KRA adalah untuk membangunkan modal insan belia sejajar dengan wawasan 2020.
2. Selain itu juga, beberapa program yang dirangka melalui penerapan nilai-nilai murni, patriotisme, sentuhan rohani dan motivasi untuk melahirkan belia yang kuat dan teguh daripada segi jasmani, emosi, rohani, dan intelektual. Modul ini diterapkan secara tidak langsung dalam program kepimpinan dan pembangunan modal insan yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.